

## **TERMA DAN SYARAT PENGGUNAAN**

### **AM**

Portal pembayaran *Systematic Toll Outstanding Recovery Management* ("STORM") dan apa-apa servis berkaitan dikendalikan, ditadbir, diselenggara dan dibangunkan oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad ("PLUS Berhad") dan pihak ketiga yang dilantik PLUS Berhad. Portal STORM adalah platform yang membolehkan anda membuat pembayaran bagi jumlah tol tertunggak di sepanjang lebuh raya PLUS Berhad yang merangkumi Lebuhraya Utara-Selatan (NSE), Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) dan Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE).

Akses dan penggunaan perkhidmatan portal STORM ini tertakluk dengan syarat-syarat penggunaan perkhidmatan portal STORM dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Soalan Lazim serta sebarang dasar operasi tambahan lain yang mungkin dikenakan dari masa ke semasa mengikut budi bicara mutlak PLUS Berhad ("Syarat-Syarat Penggunaan"). PLUS Berhad berhak untuk membuat sebarang pindaan kepada Syarat-Syarat Penggunaan dari masa ke semasa.

Dengan menggunakan atau mengakses portal STORM ini, anda telah bersetuju dan menerima untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

Anda juga bersetuju dan mengakui bahawa Syarat-Syarat Penggunaan ini adalah untuk mengawal akses dan penggunaan perkhidmatan portal STORM ini di mana perkhidmatan tersebut juga akan tertakluk kepada terma dan syarat terpakai bagi mana-mana perjanjian yang mungkin mengawal penggunaan yang sama.

### **SYARAT PENGGUNAAN**

#### **Hak Cipta dan Hak Dagangan**

PLUS Berhad dan pihak ketiga lain (jika berkenaan) memiliki hak cipta terhadap tanda dagangan, nama dagangan, logo dan tanda perkhidmatan yang dipaparkan di portal STORM ini yang tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada PLUS Berhad atau pihak ketiga yang memiliki hak cipta dan hak dagangan tersebut.

Semua bahan yang terkandung di portal STORM ini adalah dilindungi oleh hak cipta, cap dagang atau apa-apa hak milik. Tiada bahagian di dalam portal STORM ini boleh diubah suai, dihasilkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula, dihantar (dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara), disalin, diedarkan, digunakan untuk mencipta karya terbitan atau digunakan dalam apa-apa cara lain untuk tujuan komersial atau awam tanpa kebenaran bertulis daripada PLUS Berhad atau pihak ketiga yang berkenaan terlebih dahulu.

Portal STORM, teknologi dan proses yang terkandung di portal STORM ini adalah hak harta intelek PLUS Berhad atau pihak ketiga dan tiada lesen diberikan berkenaan dengan hak harta intelek tersebut selain daripada yang dinyatakan dalam Syarat-Syarat Penggunaan portal STORM ini. Anda juga bersetuju untuk tidak sama sekali melanggar hak harta intelek PLUS Berhad atau pihak ketiga.

### **Tiada Waranti**

PLUS Berhad tidak memberi sebarang jaminan atau representasi tentang ketepatan atau kesempurnaan maklumat dan bahan-bahan yang terkandung dalam portal STORM ini. PLUS Berhad berhak untuk menambah, menukar, menambah baik atau mengemas kini maklumat dan dokumen di portal STORM ini tanpa sebarang notis. PLUS Berhad tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa ketidaktepatan dan ketidaksempurnaan maklumat yang terkandung dalam portal STORM ini. PLUS Berhad juga tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa isu pelanggaran, keselamatan, ketepatan, atau kebebasan daripada virus komputer berikutan maklumat dan material yang terkandung dalam portal STORM ini. Penggunaan portal STORM ini adalah atas risiko sendiri dan segala maklumat dan material yang terkandung dalam portal STORM adalah dipaparkan secara 'seadanya' (*as is*) tanpa sebarang jenis waranti, sama ada nyata atau tersirat.

### **Pautan Laman Web Yang Lain**

Portal STORM ini mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang yang diselenggarakan oleh pihak ketiga ("Laman Web Pihak Ketiga"). Laman Web Pihak Ketiga ini disediakan untuk rujukan anda sahaja dan PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas akses dan penggunaan anda atau apa-apa maklumat atau material yang terdapat di dalamnya. Kami juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk komunikasi di antara anda dan pihak ketiga tersebut atau penggunaan maklumat, material atau perkhidmatan daripada pihak ketiga tersebut. Anda bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas akses dan penggunaan Laman Web Pihak Ketiga tersebut.

PLUS Berhad tidak bertanggungjawab ke atas kandungan yang terdapat pada mana-mana aplikasi lain yang dipautkan di portal STORM ini. Akses dan penggunaan aplikasi lain adalah atas risiko anda sendiri dan anda tertakluk kepada sebarang terma dan syarat yang terpakai untuk akses/penggunaan aplikasi tersebut. Dengan menyediakan hiperpautan ke laman sesawang lain, PLUS Berhad tidak mengendors, mengesyorkan, meluluskan, menjamin atau memperkenalkan mana-mana perkhidmatan/produk yang disediakan oleh pihak ketiga tersebut, atau mempunyai sebarang bentuk kerjasama dengan pihak ketiga dan laman sesawang tersebut. Selain yang dinyatakan secara oleh PLUS Berhad, PLUS Berhad tidak mempunyai sebarang perjanjian kontrak dengan mana-man Laman Web Pihak Ketiga yang dipautkan di portal STORM ini.

### **E-mel**

PLUS Berhad tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pengguna yang berpunca daripada sebarang bentuk komunikasi melalui internet di antara pengguna dan PLUS Berhad, atau jika PLUS Berhad.

### **Had Liabiliti**

Selain daripada obligasi yang dinyatakan di dalam perjanjian atau undang-undang, PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk kerugian atau kerosakan langsung atau secara tidak langsung, khas, sampingan atau berbangkit, atau perbelanjaan yang berpunca daripada penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan portal STORM ini oleh mana-mana pihak. PLUS Berhad juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan prestasi, ralat, ketidakmasukkan, gangguan, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, virus komputer atau talian atau kegagalan sistem; atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang penipuan atau kelakuan tidak jujur mana-mana pihak ketiga termasuk tanpa had penggodaman dan pancingan data, walaupun PLUS Berhad, atau wakilnya, telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan, kerugian atau perbelanjaan tersebut.

### **Transaksi melalui Internet**

PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kerugian yang diluar kawalan PLUS Berhad dan yang boleh menjelaskan ketepatan masa mesej dan transaksi yang dihantar melalui portal STORM ini termasuklah gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan dalam operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, capaian tidak izin, atau sebarang masalah atau kepincangan teknikal mana-mana rangkaian atau talian telefon, sistem dalam talian komputer, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel akibat masalah teknikal atau kesesakan trafik internet.

### **Memuat turun**

PLUS Berhad tidak membuat sebarang jaminan bahawa portal STORM ini tidak akan mempunyai gangguan, kelewatan, kegagalan, kesilapan, peninggalan atau kehilangan maklumat yang dihantar, serta tidak mempunyai virus atau lain-lain yang boleh mencemari atau merosakkan peranti anda. Dengan menggunakan dan mengakses portal STORM ini anda bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang perlindungan dan/atau peralatan anda. PLUS Berhad tidak membuat pernyataan atau jaminan mengenai ketepatan, kefungsian atau prestasi mana-mana perisian pihak ketiga yang mungkin digunakan melalui portal STORM ini.

### **Jaminan Keselamatan**

PLUS Berhad dan anda memainkan peranan penting dalam melindungi daripada penipuan dalam talian. Anda hendaklah memastikan supaya butiran akaun anda termasuk ID pengguna dan kata laluan anda tidak dikongsikan atau digunakan oleh pihak lain tanpa kebenaran sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Dalam pada masa yang sama, PLUS Berhad juga meletakkan standard keselamatan yang tinggi dalam melindungi kepentingan anda.

### **Pengumpulan Data Peribadi**

Sebarang data peribadi yang dikumpul adalah diproses mengikut Notis Privasi PLUS Berhad yang tersedia di pautan ini <https://storm.plus.com.my/media/information/Privasi.pdf>.

**Undang-undang dan Bidang Kuasa**

Dengan mengakses dan menggunakan portal STORM ini, anda telah bersetuju dengan Syarat-Syarat Penggunaan dan sekiranya terdapat sebarang pertikaian yang timbul, anda adalah pada setiap masa adalah tertakluk dibawah undang-undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

PENTING: Dengan mengakses portal STORM ini dan mana-mana halamannya, anda bersetuju dengan syarat yang ditetapkan di atas.